



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PAELIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

#### PARLIMEN

*Eighth Parliament*

#### PENGGAL <sup>KELAPAN</sup>

*Fourth Session*

**KEEMPAT**

---

**Jilid IV**

**Bil. 22**

**Hari Khamis**

**29hb Disember, 1994**

---

#### KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAH-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

#### RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbadanan Produktiviti Negara  
(Pemerbadanan) (Pindaan) 1994**

(Ruangan 42)

**Rang Uadang—undang Penculikan (Pindaan) 1994**

(Ruangan 56)

**Rang undang—undang Mahkamah kehakiman (Pindaan)  
(No. 2) 1994**

(Ruangan 61)

#### USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada  
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan**

(Ruangan 41)



DN.29.12.94

**MALAYSIA**

**DEWAH NEGARA**

**Khamis, 29hb Disember, 1994**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**JAWAPAN-JAWAPAH MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**KAKITANGAN AWAM - PERLANJUTAN UMUR PERSARAAN**

**1. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada persaraan pilihan di antara umur 40 tahun telah berjaya mengurangkan tenaga pekerja di Malaysia atau adakah ianya mendatangkan kesusahan kepada negara disebabkan banyak yang mengambil pilihan untuk bersara waktu mencapai umur 40 tahun, dan adakah kerajaan bercadang juga untuk menetapkan umur bersara menjadi 60 tahun dan bukannya 55 tahun seperti yang ada sekarang ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, menurut Akta Pencen 1980 (Akta 227), kakitangan kerajaan boleh memohon persaraan atas pilihan sendiri apabila mencapai umur 40 tahun. Tujuan peruntukan undang-undang tersebut adalah untuk membolehkan kakitangan jabatan bersara lebih awal dan bukan untuk mengurangkan kakitangan perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun tidak semua permohonan pilihan sendiri diluluskan secara automatik. Sekiranya perkhidmatan kakitangan berkenaan masib diperlukan maka kerajaan tidak akan meluluskan permohonan persaraan pilihan sendiri.

Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan umur persaraan wajib bagi kakitangan kerajaan daripada 55 tahun kepada 60 tahun kerana cadangarr ini boleh menjejaskan usaha-usaha untuk mengecilkan saiz perkhidmatan awam. Walaupun umur persaraan wajib dikekalkan pada 55 tahun, kerajaan boleh melantik semula pesara-pesara tersebut secara kontrak atau sementara sekiranya kepakaran dan kemahiran mereka masih diperlukan.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab-sebabnya kebanyakan mereka yang

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab-sebabnya dah kebanyakan sebabnya ialah untuk menyertai sektor swasta. Dan ada juga antaranya kerana masalah peribadi.

#### SIARAN "STAR XV" DI LABUAN

2. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Pernerangan menyatakan:
- (a) siaran "Star TV" yang sekarang ini boleh dinikmati oleh penduduk Labuan sebenarnya datang dari mana;
  - (b) apakah siarannya boleh dianggap menepati kehendak Penerangan Malaysia; dan
  - (c) bilakah siaran TV1 dan TV3 dapat memperbaiki mutu siarannya yang selalunya diterima dalam keadaan yang kabur dan kurang memuaskan dapat diatasi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Siaran "Star Satelite TV" yang sekarang diterima oleh penduduk Labuan sebenarnya datang dari stesen pemancar Brunei melalui proses rebroadcast. Brunei pula menerimanya menerusi satelit dari stesen TV di Hong Kong.
- (b) Buat rasa ini siaran "Star TV" itu tidaklah boleh dianggap menepati kehendak penerangan Malaysia kerana ia masih merupakan limpahan (spilt over) daripada luar negara dan bukan berpunca atau disalurkan melalui badan penyiaran Malaysia.
- (c) Penerimaan siaran TV dalam negeri khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan sememangnya kurang memuaskan. Keadaan ini berlaku oleh kerana sebahagian penonton siaran dari alat pemancar di Bukit Tampalagus, Sipitang dan sebahagian lagi dari Layang-layang di Gunung Kinabalu. Namun usaha-usaha sedang dibuat untuk memperbaiki mutu siaran TV di kawasan tersebut dengan menggantikan alat pamancar di Tampalagus yang dijangka akan siap pada awal tahun 1996.

#### **PERLADANGAN-TEMPOHPEMAJAKAN**

3. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada ingin melanjutkan tempoh pemajakkan perladangan dyang ditawarkan kepada pemajak-pemajak yang menggunakan Buruh Asing secara kontrak dilanjutkan tempoh pemajakan lebih daripada 2 tahun.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia tidak terlibat dengan urusan pemajakan ladang atau pemberian kontrak kepada kontraktor ladang berkenaan. Pemberian pajakan perladangan kepada mana-mana kontraktor oleh pihak ladang merupakan satu urusan perniagaan bebas di antara kedua-dua pihak tersebut dan Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai kuasa untuk memaksa majikan menetapkan tempoh sesuatu pajakan itu. Perlanjutan tempoh kontrak adalah ditentukan oleh pihak ladang sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk David Yeoh Eng Hock.

**Datuk K. Vijayanathan:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.4.

#### PERDAGANGAN MALAYSIA-CHINA

4. **Datuk K. Vijayanathan [di bawah S.0.23(2)]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dari Industri menyatakan sama ada perdagangan di antara Malaysia dengan China terus berkembang hasil lawatan Timbalan Perdana Menteri ke China baru-baru ini dan nyatakan sama ada 13 perjanjian atau M.O.U. yang telah ditandatangani antara syarikat-syarikat dari Malaysia dengan agensi-agensi perdagangan di China akan mewujudkan projek-projek bersama dan nyatakan bilakah M.O.U. itu akan dijelmakan dalam projek-projek usaha sama di antara Malaysia dan China.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Republik Rakyat China pada 25hb hingga 31hb Ogos, 1994 adalah sebahagian daripada usaha yang berterusan kerajaan

untuk meningkatkan perdagangan dua hala antara negara kita dengan negara-negara rakan termasuk Republik Rakyat China. Oleh yang demikian, lawatan tersebut bukan sahaja membantu meningkatkan perdagangan tetapi juga pelaburan di antara kedua-dua buah negara walaupun hasilnya hanya dinikmati dalam jangka panjang. Perdagangan dua hala antara Malaysia dan Republik Rakyat China memang meningkat tahun demi tahun. Misalnya, bagi tempoh 1990 hingga 1993 perdagangan dua hala Malaysia-Republik Rakyat China telah meningkat sebanyak 35% iaitu dari RM3.19 bilion kepada RM5.91 bilion. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 1994 iaitu 8 bulan nilainya ialah RM5.62 bilion yang merupakan peningkatan sebanyak 502 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1993.

Mengenai 13 MOU yang telah dibuat semasa lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, adalah terlalu awal untuk menyatakan kejayaan atau kegagalan projek-projek berkenaan. Projek-projek usana sama memerlukan kajian yang mendalam mengenai daya maju atau *viability project*. Namun begitu kajian awal menunjukkan syarikat-syarikat yang menandatangani MOU sedang berusaha dengan gigih untuk memastikan projek usana sama yang dicadangkan menjadi *realiti*.

NATIONAL SERVICE SINGAPURA-  
**BILANGAN RAKYAT MALAYSIA YANG TERLIBAT**

5. **Tuan Rahim bin Baba:** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) Berapakah bilangan rakyat Malaysia yang dilahirkan di Singapura yang telah dikenendaki mendaftar bagi National Service; dan
  - (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi mengelakkan keadaan di mana terdapat rakyat Malaysia yang sengaja melahirkan anak di Singapura bagi mendapatkan taraf penduduk di Singapura bagi mendapatkan taraf penduduk tetap dan pada rasa yang sama menjadi rakyat Malaysia. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap ibu bapa yang ketaatan mereka terhadap negara ini boleh dipersoalkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Bilangan rakyat Malaysia yang dilahirkan di Singapura yang telah dikenendaki mendaftar bagi Nasional Service adalah 1,461 orang;



Ibu Undang-undang negara ini tidak menghalang seseorang itu melahirkan anaknya di mana-mana negara yang disukainya. Taraf kerakyatan kanak-kanak yang dilahirkan itu adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan sama ada kanak-kanak itu ada tuntutan sebagai warganegara atau sebaliknya.

Warganegara Malaysia yang diperolehi dengan cara pendaftaran dan kemasukan dan telah membuktikan sama ada dengan perbuatan atau percakapan sebagai seorang yang tidak setia atau tidak suka kepada Persekutuan boleh dilucutkan tarat kewarganegaraannya.

**Tuan Rahin bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, terdapat 1,461 orang rakyat Malaysia yang telah pun dikehendaki menjalankan National Service di Singapura. Saya mengambil anggapan bahawa 1,461 orang ini mempunyai dua kerakyatan (citizenship) di mana di negara kita tidak membenarkan rakyatnya memiliki dua citizenship. Jadi apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk mengatasinya atau apakah tindakan kepada mereka yang mempunyai dua citizenship ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, dalam rekod rasmi, bilangan rakyat Malaysia yang sebenarnya di bawah keadaan dua citizenship ini adalah 2,477 orang yang mana hanya 1,461 orang adalah lelaki yang diperlukan untuk National Service di Kuala

Lumpur. Baki 1,016 orang lagi itu adalah perempuan dan tidak dipanggil untuk Nasional Service. Keadaan ini boleh dikatakan serba-salah kepada kategori ini kerana Perlembagaan kedua-dua negara telah membolehkan mereka mempunyai kewarganegaraan pada masa mereka dilahirkan dan kebanyakan mereka tidak sengaja hendak menuntut secara acquire citizenship.

Dalam perkara ini kalau mengikut Perlembagaan, strictly speaking, dengan izin, mereka sudah tidak diizinkan untuk dua nationality dan kerajaan boleh melucutkan citizenship mereka. Akan tetapi di bawah Perlembagaan kedua-dua negara juga, seseorang itu boleh menolak (renounce) citizenshipnya hanya pada umur 21. Selagi mereka belum sampai umur 21 tahun, mereka tidak boleh menolak salah satu kewarganegaraan dan pada masa yang sama mereka tidak boleh diberi dua nationality pula. Itulah satu keadaan yang serba-salah.

Walau bagaimanapun, pada masa ini kerajaan kita melalui Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar dan Kementerian Undang-undang telah pun bersama-sama membincangkan perkara ini supaya kita bolen menyampaikan satu pandangan dan cadangan kepada pihak Singapura dan usaha ini masin diteruskan.

**Dato' Mohd. Radzi bin Manan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkan boleh kerajaan menjalankan satu tindakan yang pro-aktif dari segi apabila sampai sahaja umur mereka ini 21 tahun mata hendaklah dilucutkan kewarganegaraan mereka jika didapati mereka ini telah pun menjalankan National Service di Singapura oleh

sebab ini telah terbukti bahawa seseorang itu telah pun menjadi rakyat yang sah Singapura dengan menggunakan pelbagai hak yang ada pada rakyat Singapura. Tidak semestinya kita tunggu supaya dia melucutkan kewarganegaraan Malaysianya secara sukarela.

**Tuan Ong Ra Ting:** Tuan Yang di-Pertua, di sini pula ada satu lagi masalah yang dihadapi oleh orang yang di dalam kategori ini kerana undang-undang Singapura, iaitu National Service Act 1971 mengatakan, seseorang itu apabila tiba masa National Service, iaitu antara umur 16 tahun setengah hingga 40 tahun, lelaki kalau tidak menjalankan National Servicenya, yang terbabit ini boleh dihukum denda S\$5,000 dan penjara 3 tahun. Jadi, kumpulan ini kalau mereka tidak buat, satu hari apabila mereka masuk Singapura mereka akan ditangkap.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia tidak menggalakkan rakyat kita untuk membuat National Service dan ini adalah satu perkara yang tidak sepatutnya dilakukan. Sememangnya hal ini perlu perbincangan dua hala antara kedua-dua kerajaan supaya dapat mencari satu penyelesaian di mana kedua-dua pihak ini pada masa hadapan dapat mengelakkan perkara-perkara seperti ini berlaku dan pada masa yang sama kita perlu membantu mereka yang secara tidak sengaja telah terperangkap dalam keadaan ini.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita telah menimbulkan soal rakyat Singapura dengan rakyat Malaysia. Tetapi adakah juga terdapat rakyat daripada negara-negara lain seperti Thailand terutama yang dekat dengan Perlis atau

Kelantan mempunyai dua kerakyatan seperti mana yang kita bincangkan tadi?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-pertua, setakat ini selain daripada Singapura masalah ini tidak timbul. Oleh kerana Singapura begitu dekat lokasinya dengan negara kita dan Perlembagaannya pun sama di mana salah seorang ibu atau bapanya kalau anaknya lahir di Singapura dia tidak payah mengisi borang untuk memohon kewarganegaraan.. Mereka secara automatik menjadi warganegara Singapura. Jadi, inilah yang menjadikan keadaan 'tricky' sedikit, dengan izin. Tetapi bagi Thailand dan negara lain kalau seseorang kanak dilahirkan walaupun salah seorang itu mungkin orang Thailand atau negara lain, kalau ibu bapa tidak mendaftarkan kelahirannya di kedutaan mereka dan untuk seterusnya menuntut kewarganegaraannya, maka masalah ini tidak timbul.

#### INDEK HARGA BARANGAN - PERBEZAAN

6. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah beliau sedar bahawa Indeks Harga Barangan yang diterbitkan oleh kementerian selalunya tidak tepat dengan harga barangan di pasaran tempatan sebenar. Sebagai contoh, harga ayam yang diterbitkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Alor Setar ialah RM3.80 sekilo tetapi harga sebenar di pasaran iaitu Pasar Besar Alor Setar ialah hampir RM4.40 sekilo. Kenapa perbezaan kenyataan itu, berlaku.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, Laporan Harga Barangan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna adalah harga purata bagi lebih 90 jenis barangan yang dikutip di pasar-pasar utama di seluruh negara pada setiap hari Selasa antara jam 6.00 - 11.00 pagi. Adalah

dimaklumkan bahawa harga barangan di pasaran, terutamanya bagi barang-barang yang mudah rosak berubah disebabkan perubahan kualiti dan bergantung kepada kuantiti yang dibeli.

Oleh itu harga-harga barangan yang dikumpul dan disebarikan oleh kementerian itu hanyalah sebagai panduan kepada pengguna. Pengguna adalah dinasihatkan menggunakan kebijaksanaan masing-masing semasa berbelanja.

#### **PROGRAM "KHIDMAT SOKONGAN" DI KALANGAN MASYARAKAT ORANG ASLI**

7. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan untuk membantu mempercepatkan proses pencapaian ekonomi Orang Asli, adakah pihak kementerian ini memperhebatkan program "Khidmat Sokongan" terhadap masyarakat Orang Asli.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telan pun mengambil langkah untuk memperhebatkan program Khidmat Sokongan terhadap masyarakat Orang Asli. Di dalam Belanjawan 1995 program Khidmat Sokongan dibahagikan kepada tiga aktiviti, iaitu aktiviti perkhidmatan dan pentadbiran, aktiviti kewangan dan bekalan dan aktiviti pengangkutan dan perhubungan.

Beberapa perubahan dan perbaharuan telah dibuat kepada aktiviti-aktiviti yang berkenaan. Antara lain ialah:

- (i) meningkatkan lagi keupayaan dan daya pengeluaran dengan mengamalkan dasar pengagihan semula kakitangan atau deployment untuk menguruskan tugas pentadbiran dan pengurusan pagi menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti;
- (ii) membekalkan peralatan moden seperti komputer dalam mengendalikan urusan kewangan dan stor dan juga memperkukuhkan kawalan kewangan bagi menghindarkan penyelewengan dan salah guna wang dan harta Kerajaan;
- (iii) mempertingkatkan daya sistem perhubungan melalui penggantian kenderaan-kenderaan lama dengan yang baru yang lebih sesuai dengan keadaan penggunaan di kawasan pedalaman.

Untuk makluman Yang Berhormat, segala pembaharuan dan perbaharuan yang dibuat adalah bagi membantu dalam mempercepatkan proses pencapaian ekonomi Orang Asli.

#### **LAPANGAN TERBANG SUBANG - PUNCA TRAGEDI KEBAKARAN**

8. **Tuan Jamaludin bin Ahmad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) dari 1.1.1994 hingga sekarang berapa kalikah Lapangan Terbang Antarabangsa Subang terbakar dan berapakah kerugiannya;

- (b) berapa banyak rada yang digunakan di Lapangan Terbang itu; dan
- (c) berapa yang baik dan berapa yang rosak serta perbelanjaannya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti**

**Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada:

- (a) Sejak 1hb Januari 1994, kebakaran telah berlaku pada 13hb Ogos 1994 di Stesen Radar Bukit Subang. Kerugian yang dialami akibat kebakaran ini adalah RM2.60 juta bagi Jabatan Penerbangan Awam dan RM5.30 juta bagi Penerbangan Malaysia.
- (b) Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dibekalkan dengan sebuah 'approach radar', dengan izin, untuk membantu mengawal pergerakan pesawat yang mendarat dan berlepas.
- (c) Radar yang rosak akibat kebakaran telah pun dipulihkan oleh Syarikat Thomson dan adalah dalam keadaan baik dan tiada menimbulkan sebarang masalah.

**Dato' Mohd. Radzi bin Manan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mohon bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapakah tidak kerajaan membeli radar yang lebih daripada satu? Setahu saya, Singapura sahaja ada beberapa radar stand-by. Ini pula untuk ibu negara kita, takkanlah satu radar stand-by pun tak ada?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sistem radar yang akan dipasangkan untuk penerbangan di Malaysia ini ialah yang akan jadi termoden di rantau ini dan mungkin di seluruh dunia, tetapi pemasangannya adalah berperingkat-peringkat. Kita membeli radar pun, kita kena order mengikut spesifikasi yang diperlukan. Tak ada radar yang sudah siap macam kita beli baju sudah siap di kedai.

Jadi, olen kerana itu bukannya mudah untuk mendapatkan bekalan. Itu sebabnya ia memakan masa dan dilaksanakan berperingkat-peringkat. Insyaa Allah, apabila selesai semuanya nanti, seluruh kawasan udara kita termasuk sampai ke Malaysia Timur akan berada dalam keadaan yang terbaik.

**Tuan Saidin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bersabit dengan kelemahan-kelemahan pengurusan di Lapangan Terbang sama ada kebakaran seperti mana yang dipersoalkan tadi, ataupun orang masuk dalam kawasan larangan, ataupun menjadi penumpang tanpa izin dalam kapalterbang atau sebagainya, apakah setelah dikenal pasti, sama ada kelemahan-kelemahan itu berpunca daripada apa-apa perkara dan apakah tindakan ataupun langkah yang telah diambil?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kejadian-kejadian pencerobohan, sebenarnya kalau hendak dikirakan pekerja sendiri kalau dia tak pakai pas pun dianggap menceroboh, dan kita juga mendapati beberapa kes seperti ini. Walau bagaimanapun, setelah kejadian-kejadian yang berlaku di Lapangan Terbang tempoh hari, pihak Jabatan Penerbangan Awan dan juga pihak Malaysia Airport Bhd. dan juga Penerbangan Malaysia, ketiga-tiganya diarahkan supaya bekerjasama dari segi keselamatan dan menentukan bahawa mesyuarat koordinasi diadakan tiap-tiap minggu dan masing-



masing mengetahui tugas-tugas dan fungsi-fungsinya supaya kejadian-kejadian seperti ini tidak berlaku, dan di tiap-tiap lapangan terbang telan ditubunkan bilik gerakan yang dikawal oleh Unit Keselamatan MAB yang beroperasi 24 jam.

Operasi ini mengkoordinasikan. Di tiap-tiap lapangan terbang juga ditubuhkan Unit Gerak Cepat atau dengan izin, 'Rapid Deployment Unit' yang dianggotai oleh Unit Keselamatan MAB lengkap bersenjata, berkomunikasi, dan bergerak dalam kawasan, bukan sahaja dalam kawasan lapangan terbang, tetapi juga di air side supaya sesiapa juga yang menceroboh akan dapat dikesan dengan cepat. Itulah sebabnya kebelakangan ini apabila ada orang yang menceroboh masuk, kita dapat tangkap sebelum dia lepas naik ke udara.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin menarik perhatian kepada soal kebakaran yang mana lapangan terbang merupakan pintu masuk negara dan saya rasa merupakan tempat yang penting di mana pelancong-pelancong memberi satu imej yang besar kepada kemasukan pelancong di negara kita. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah kebakaran ini disebabkan oleh sabotaj ataupun kerosakan-kerosakan teknikal?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, kejadian kebakaran pada 6hb April 1992 ialah disebabkan kerosakan teknikal, iaitu short-circuit. Kebakaran pada Oktober 1992 disebabkan sabotaj ada unsur-unsur penggunaan minyak tanah membakar menara kawalan udara kita pada masa itu, dan yang ketiga, iaitu pada 13hb Ogos tahun ini disebabkan kerosakan satu koroponen elektrik dalam Bangunan Radar Bukit Subang.

**PEKERJA CACAT - MEMANFAATKAN BUDAYA IKRAM**

9. **Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan pekerja-pekerja cacat dapat menikmati kemudahan pengangkutan awam untuk ulang-alik bekerja tanpa diskriminasi; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memupuk, budaya ikram bagi warga tua dan orang-orang cacat.

**Tuan Tong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Beberapa langkah telah diambil oleh kementerian, iaitu:
  - (i) meminta majikan menyediakan pengangkutan bagi pekerja-pekerja cacat;
  - (ii) membekalkan alat-alat- tiruan yang sesuai untuk memudahkan orang-orang cacat menaiki kenderaan;
  - (iii) memberi khidmat nasihat tentang penggunaan pengangkutan awam;
  - (iv) pengeluaran kad pengenalan diri bagi memudahkan syarikat-syarikat pengangkutan awam memberi layanan kepada orang cacat menggunakan kenderaan awam;

- (v) mengadakan perbincangan dengan syarikat pengangkutan supaya diberi perkhidmatan yang istimewa termasuk memberi tambang konsesi kepada orang-orang cacat dan wargatua seperti tempat duduk yang selesa dalam kenderaan awam.
- (b) Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan adalah:
  - (i) melalui falsafah dasar kebajikan negara. Konsep Masyarakat Penyayang telah dilaksanakan melalui program penggalakan kesejahteraan rakyat serta kestabilan masyarakat melalui amalan budaya ikram, iaitu sifat tolong-menolong di kalangan anggota masyarakat.

Pelaksanaan program kebajikan masyarakat adalah berteraskan kepada kebajikan dan tanggungjawab bersama di samping memupuk serta membina semangat berdikari di kalangan kumpulan sasaran;

- (ii) badan-badan bukan kerajaan (NGOs) juga dibantu dalam usaha meningkatkan perkhidmatan mereka kepada setiap kumpulan sasaran. Melalui program penglibatan badan-badan bukan kerajaan, konsep masyarakat penyayang dapat diterjemahkan sebagai gandingan usaha pihak kerajaan, dengan pihak bukan kerajaan demi untuk kesejahteraan masyarakat keseluruhannya;
- (iii) mengadakan kempen kesedaran bagi menyedarkan masyarakat melibatkan diri, memberi serta mengadakan kemudahan-kemudahan untuk kesejahteraan dan pembangunan program wargatua dan orang cacat. Kempen-kempen kesedaran yang dijalankan adalah; Sambutan Hari Wargatua Kebangsaan, Hari Orang Cacat Kebangsaan, Hari Kanak-kanak dan juga Hari Keluarga Kebangsaan.

Seminar-seminar dan penglibatan komuniti dalam program-program di atas adalah untuk memupuk budaya ikram yang bertujuan melahirkan Masyarakat Penyayang.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya mengenai kemudahan untuk orang-orang cacat bagi menaiki LRT yang akan diperkenalkan di Bandaraya Kuala Lumpur tidak lama lagi. Kita telah pun membaca bahawa Menteri sendiri mengatakan tidak ada kemudahan untuk orang-orang cacat, selepas itu Timbalan

Menteri pula kata, akan diadakan kemudahan untuk orang-orang cacat. Jadi, saya hendak tanya pula pendapat Setiausaha Parlimen sama ada kemudahan ini diadakan ataupun tidak?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya agak terganggu sedikit. Menteri cakap satu dan Timbalan Menteri bercakap yang lain dan saya pula kalau menjawab tidak selaras, akan dituduh nanti. Sebenarnya kita telah mengadakan perbincangan antara dua pihak, iaitu pihak Pertubuhan Orang-orang Cacat, khususnya pihak 'wheelchair" dengan pihak LRT iaitu STAR. Kita telah menganjurkan satu perbincangan sebagai koordinator sahaja. Kita membawa jua pihak ini ke meja perundingan supaya mereka akan berunding bagaimana masalah ini dapat diatasi.

Selepas itu, mereka akan mengadakan rundingan secara langsung di antara dua pihak dan sampai hari ini saya tidak mendapat apa-apa maklumat untuk Yang Berhormat.

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Perpaduan Negara telah pun mengatakan bahawa kementeriannya telah pun mengambil langkah berhubung dengan syarikat-syarikat bas meminta mereka menyediakan kemudahan-kemudahan khas untuk orang-orang cacat supaya memudahkan perjalanan ataupun pengangkutan mereka **itu**. Saya ingin tahu setakat mana berjayanya langkah-langkaah ini dan kalau tidak begitu berjaya, saya ingin tahu apakah sebabnya?

**Tuan Tong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, usaha ini adalah untuk memudahkan pihak golongan orang cacat menaiki kenderaan awam seperti bas, keretapi dan lain-lain. Kita telah pun meminta pihak syarikat menyediakan kemudahan-kemudahan dan sampai hari ini kita tidak dapat mengatakan ianya sangat memuaskan dan usaha ini perlu

digiatkan lagi. Untuk kemudahan yang lain, seperti bangunan awam, kita telah pun menentukan dia ada 'ramp' atau lain-lain kemudahan untuk orang-orang cacat.

#### LANGKAH MEMBENDUNG INFLASI - KEBERKESANAN

10. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian akan menghadkan penggunaan kad kredit dalam membendung masalah inflasi. Apakah langkah Kementerian dalam menghadkan tahap, tangga, gaji sektor kerajaan dan swasta supaya jurang perbezaannya tidak terlalu besar dan kuasa beli terlalu tinggi di sektor swasta dan bagaimanakah pula tindakan kerajaan dalam membantu masyarakat supaya tidak tertekan dengan inflasi kerana mereka mempunyai kuasa beli yang rendah.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan. Puan Hajah Rahaiah adalah berkaitan dengan inflasi, kad kredit dan gaji kakitangan awam dan juga sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, pada 24 Disember, 1991 kerajaan telah memperkenalkan garis panduan operasi kad kredit untuk membendung perbelanjaan yang berlebihan dan menggalakkan tabungan sebagai sebahagian daripada package anti inflasi. Pelaksanaan garis panduan ini telah pun berjaya mengawal kadar pertumbuhan dalam penggunaan kad kredit. Jumlah kad kredit yang dikeluarkan meningkat dengan sederhana sahaja iaitu daripada 1.1 juta pada akhir tahun 1992 kepada 1.3 juta pada akhir tahun 1993 dan 1.5 juta pada akhir bulan September, 1994.

Sementara itu, baki kredit yang terkumpul pula meningkat dengan sederhana iaitu daripada RM1.9 bilion pada akhir tahun 1992 kepada RM2.3 bilion pada akhir tahun 1993 dan kepada RM2.4 bilion pada akhir bulan September, 1994. Perkembangan ini adalah tidak membimbangkan kerana ia adalah selaras dengan pertumbuhan ekonomi

negara yang berterusan kukuh dan peningkatan dalam pendapatan penduduk. Tambahan lagi jumlah perbelanjaan melalui kad kredit hanya mencakupi 5% daripada jumlah perbelanjaan penggunaan sektor swasta pada tahun 1992 dan juga 1993. Oleh itu, kesannya terhadap inflasi adalah tidak begitu ketara. Berasaskan kepada alasan tersebut, usaha menghadkan penggunaan kad kredit adalah tidak perlu pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan pasaran buruh yang ketat dan permintaan yang tinggi terhadap tenaga kerja, terutamanya pekerja mahir menyebabkan kadar upah dan gaji telah meningkat di sektor swasta. Kerajaan peka dengan perkembangan ini dan telah mengambil beberapa langkah untuk menstabilkan kenaikan kadar upah dan gaji. Antara tindakan yang telah diambil ialah membenarkan penggajian pekerja asing bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja. Walau bagaimanapun, langkah ini telah diberhentikan buat sementara waktu. Sejak Januari 1994, usaha telah dibuat bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan pengurusan melalui latihan dengan mewujudkan kumpulan pembangunan tenaga manusia yang bertujuan menggalakkan majikan mengadakan latihan bagi meningkatkan produktiviti kerja dan menambah bekalan tenaga mahir dan menggalakkan peningkatan dalam industri berintensiti modal dan penggunaan teknologi moden.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu kerajaan sentiasa mengingatkan sektor swasta terutamanya agar sebarang kenaikan kadar upah dan gaji diberi kepada pekerja mereka haruslah dituruti dengan kenaikan produktiviti.

Bagi membendung inflasi dan membolehkan masyarakat supaya tidak tertekan dengannya, kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang telah ditekankan dalam Dewan ini beberapa kali, termasuklah langkah fiskal, kewangan dan perbelanjaan berhemat. Dalam Belanjawan negara 1995 kerajaan telah memansuhkan serta mengurangkan duti import ke atas lebih 2,600 jenis barangan sebagai langkah mengurangkan lagi beban masyarakat terutamanya golongan berpendapatan rendah kerajaan telah juga mengurangkan kadar cukai pendapatan perseorangan di antara 2% dan 3% serta menambah cukai reoat sebanyak RMI0.00 hingga RM20.00. Di samping itu kerajaan juga berusaha untuk mengatasi kepincangan sistem pemasaran dan membantu menstabilkan harga dengan terus memperbaiki struktur pengeluaran, mengurangkan kos urus niaga dan meningkatkan lagi persaingan dalam ekonomi negara.

#### MUATAH KARGO HAS DI MUSIM PERAYAAN - PENGURUSAN

11. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Pengangkutan, menyatakan:

- (a) berapakah berat muatan kargo yang diuruskan oleh pihak MAS sepanjang tahun 1994;
- (b) apakah kompleks gudang MAS yang dibina pada tahun 1986 dahulu oleh menampung muatan kargo yang diterima oleh pihak MAS: dan
- (c) apakan langkah-langkah yang akan dijalankan oleh pihak MAS untuk mengatasi masalah sebarang kesesakan khususnya menjelang akhir tahun dan perayaan Tahun Baru China dan Hari Raya Puasa.

#### **Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti**

**Ismail):** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Muatan kargo yang diuruskan oleh pihak Penerbangan Malaysia bagi tahun 1994 dianggarkan 260,000 tan metrik.



- (b) Kompleks gudang MAS yang sedia ada hanya boleh menampung 200,000 tan metrik setahun. Justeru itu, MAS tidak berupaya untuk menampung kesemua muatan kargo yang diterimanya.
- (c) Langkah-langkah yang diambil oleh MAS untuk mengatasi kesesakan yang berlaku, khasnya menjelang akhir tahun, Perayaan Tahun Baru China dan Hari Raya Puasa adalah seperti berikut:
  - (i) membuka 30 lot ruang gudang baru yang akan disewakan kepada agen-agen kargo;
  - (ii) menambah ruang pemerosesan kargo berjumlah lebih kurang 40,000 kaki persegi; dan
  - (iii) memperbaiki proses pengeluaran kargo import melalui Master Airway Bills kepada agen-agen kargo.

**Tuao Chong Chi Siong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya cuma ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana sistem kawalan keselamatan yang dijalankan dari masa ke semasa di kompleks gudang MAS?

Kedua, adakah kementerian mempertingkatkan sistem kawalan keselamatan selepas kes rompakan emas yang berlaku pada beberapa bulan yang lepas?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam soalan mengenai kebakaran, saya telah menyatakan bahawa ketiga-tiga agensi yang terlibat di lapangan terbang iaitu termasuklah Malaysia Airlines sendiri memang sudah menubuhkan pasukan keselamatannya dengan mengadakan bilik gerakan 24 jam dan membuat koordinasi dan menghubungkan antara satu sama lain dan rondaan keliling lapangan terbang juga dibuat 2 jam sekali dan pasukan keselaraatan itu semuanya bersenjata dan beralat komunikasi.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dipercayai kesesakan kargo ini berlaku di Lapangan Terbang Subang dan tiga langkah utama telah pun diambil dan saya percaya kesesakan kargo tidak berlaku di Penang dan juga di Johor Bahru. Jadi, adakah pihak kementerian akan mengambil langkah supaya 'divertkan' sesetengah kargo ke Pulau Pinang ataupun Johor Bahru untuk mengatasi masalah kesesakan ini khasnya semasa Tahun Baru Cina dan juga Hari Raya Puasa yang akan datang?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang kargo-kargo untuk di utara kita arahkan kepada utara dan memang ada penerbangan khas kargo yang memang pergi ke Pulau Pinang dan ada di antaranya yang pergi ke Johor. Jadi, mungkin kargo-kargo yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu tadi, kalau kita hantar pula ke Pulau Pinang, turun turun sana akan memakan masa pula untuk dihantar balik ke Kuala Lumpur dan kemudiannya nanti menambahkan kos pengangkutan.

Walau bagaimanapun, dipercayai bahawa dengan langkah-langkah yang diambil oleh pihak MAS ini, insya Allah, kesesakan ini akan dapat dielakkan dan melalui Master Airway Bills kepada agen-agen ini, ini lebih mempercepatkan pengeluaran kargo daripada pusat kargo MAS kerana agen-agen yang mempunyai Master Airway Bills ini boleh mengangkut kargo-kargo ke tempat-tempat mereka masing-masing dan mengagih-agihkannya pula daripada tempat mereka itu.

#### MAHKAMAH RAYUAN - FUNGSI DALAM STRUKTUR BADAN KEHAKLMAN

12. **Tuan Limun Laikim** minta Menteri Undang-undang menyatakan :-

- (a) sama ada penubuhan Mahkamah Rayuan (Court of Appeal) akan dapat menyelesaikan kes-kes yang terbengkalai yang sepatutnya diuruskan oleh Mahkamah Agung (Supreme Court); dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk melantik peguam-peguara swasta yang berpengalaman untuk menjadi hakim-hakim sama ada di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Agung ataupun Mahkamah Rayuan.

**Tuan Douglas Uggan Embas:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mahkamah Rayuan diwujudkan di dalam struktur badan kehakiman negara ini bertujuan memperkenalkan semula sistem kehakiman satu perbicaraan dan dua peringkat rayuan

seperti mana yang sedia wujud sebelum rayuan ke Privy Council ditamatkan pada tahun 1985. Mahkamah Rayuan secara umumnya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar sebarang rayuan daripada keputusan Mahkamah Tinggi dalam menjalankan bidang kuasa asal atau bidang kuasa rayuannya ke atas keputusan-keputusan Mahkamah-mahkamah Sesyen atau Majistret. Dengan pengwujudan Mahkamah Rayuan, hanya kes-kes yang berasal daripada Mahkamah Tinggi dan kes-kes tertentu daripada Mahkamah Sesyen dan Majistret dibenarkan oleh undang-undang oleh dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan.

Mahkamah Rayuan bertindak sebagai penapis kepada kes-kes yang boleh dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan. Ini akan memastikan hanya kes-kes yang serius sahaja dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan dan ini akan membolehkan mahkamah tersebut menyelesaikan sebarang rayuan yang dirujuk kepadanya dengan kadar yang segera. Bidang kuasa rayuan yang khusus ini juga akan membolehkan Mahkamah Persekutuan menumpukan perhatian kepada perkembangan undang-undang. Untuk makluman Yang Berhormat, Mahkamah Rayuan telah hanya beroperasi mulai 26hb Jun 1994 dan semua kes yang didaftarkan di Mahkamah Agung yang sekarang ini dikenali sebagai Mahkamah Persekutuan akan terus dikendalikan oleh Mahkamah Persekutuan sehingga selesai.

- (b) Kerajaan dari masa ke semasa melantik peguam-peguam swasta yang berpengalaman sebagai Hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan dan amalan ini akan diceruskan. Apa yang penting bukanlah sama ada seseorang itu adalah peguam kerajaan atau peguam swasta tetapi seseorang itu mempunyai pengalaman yang perlu, sifat-sifat peribadi serta perwatakan yang sesuai untuk dilantik sebagai seorang hakim.

**SYARIKAT BAS BERPERINGKAT/BAS MINI  
DI WILAYAH PERSEKUTUAN - URUSAN PERCANTUMAN**

13. **Dato' Soong Siew Hoong** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apakah kemajuan yang telah dicapai dalam usaha kerajaan hendak mencantumkan syarikat-syarikat bas berperingkat (stage bus companies) dengan syarikat-syarikat bas mini di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan
- (b) apakah masalah-masalah yang dihadapi dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, urusan percantuman yang diuruskan oleh kerajaan ialah bagi syarikat-syarikat bas berhenti-henti di Wilayah Persekutuan sahaja dan bukannya di antara syarikat-syarikat bas berhenti-henti dengan syarikat-syarikat bas mini di Wilayah Persekutuan. Oleh itu soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Soong Siew Hoong di butir (a) dan (b) tidak timbul.

**MURID AL-ARQAM - PENDAFTARAN BELAJAR DI SEKOLAH  
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

14. **Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah usaha-usaha kementerian ini dalam menangani kanak-kanak yang mengikuti sekolah Al-Arqam yang diharamkan itu.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri supaya menerima pendaftaran murid-murid dari sekolah-sekolah Al-Arqam untuk mengikuti pelajaran di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan.

Setakat ini hanya 110 orang murid Al-Arqam yang telah mendaftar di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan dan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri akan bersama-sama berusaha supaya murid-murid Al-Arqam dapat mengikuti pelajaran di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan atau di sekolah-sekolah agama negeri atau rakyat.

**PONDOK REHAT DI SEPANJANG JALAN DARI KUCHING KE LIMBANG - PEMBINAAN**

15. **Tuan Janggu Anak Banyang** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kementerian akan membina Pondok Renat di tempat-tempat yang sesuai di sepanjang jalan daripada Kuching ke Limbang.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom Anak Kamara):** Tuan Yana di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

buat masa ini kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk membina pondok rehat di sepanjang jalan daripada Kuching ke Sungai Tinjar kerana pembinaan jalan Pan-Borneo dari Sungai Tinjar ke Nanga Benamit di Ulu Limbang panjangnya 142 kilometer belum lagi dilaksanakan pada masa ini.

#### **PEHYIARAN VIDEO ATAS PERMINTAAN (VOD) - REAKSI TERHADAP CADANGAN**

16. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah kementerian sedar bahawa cadangan program video atas permintaan (VOD) untuk memudahkan pelanggan menonton video tanpa perlu ke kedai video telan menimbulkan reaksi kurang baik kepada pengusaha kedai video.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan belum ada lagi rancangan untuk mengadakan bentuk penyiaran Video Atas Permintaan atau, dengan izin, Video On Demand (VOD), Oleh itu, kebimbangan yang diajukan oleh Tuan Yang Berhormat tidak berbangkit.

#### **BOHSIA DI KALANGAH MUDA-MUDI - TINDAKAN**

17. **Tuan M. Zeevill Shanmugam** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan memandangkan keadaan "bohsia" di kalangan muda-mudi bertambah buruk, apakah tindakan terhadap keadaan ini.

**Tuan Yong Knoon Seng?** Tuan Yang di-pertua, soalan ini telah pun dijawab bersama dengan pertanyaan dari Tuan Yang Berhormat Senator Hajah Rahaiah binti Baheran pada 19hb. Disember dan saya tidak bercadang untuk menamban.

**PERSIDANGAN APEC DL JAKARTA - HASIL KEJAYAAN**

18. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakan hasil kejayaan yang diperolehi di Persidangan APEC di Jakarta yang oleh memberikan faedah dan mantaat kepada Malaysia dan ASEAN dan sejauh manakah cetusan konsep EAEC kepada pemimpin-pemimpin yang turut hadir di Persidangan APEC di Bogor, Indonesia.

**Datuk S.S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat APEC di Jakarta telah bersetuju mengambil langkah-langkah ke arah mempertingkatkan kerjasama dalam bidang-bidang fasilitasi perdagangan, liberalisasi perdagangan dan kerjasama teknikal yang akan memberi faedah kepada semua ahli APEC termasuk Malaysia dan ASEAN melalui peningkatan aliran perdagangan dan pelaburan di rantau Asia Pasifik.

Secara khususnya kerjasama dalam bidang fasilitasi perdagangan melibatkan aktiviti-aktiviti berhubung dengan penyamaan atau alignment, dengan izin, piawaian di negara-negara APEC dengan piawaian antarabangsa yang diterima dan diiktiraf bersama, pertukaran dan penyeharan maklumat mengenai perdagangan dan pelaburan dan penyelarasan serta mempermudah atau simplity, dengan izin, prosedur-prosedur kastara antara negara-negara APEC.

Dari segi liberalisasi perdagangan, mesyuarat bersetuju supaya tiap-tiap negeri ahli APEC mengambil langkah-langkah segera ke arah melaksanakan liberalisasi perdagangan di peringkat serantau dan global, dengan izin, selaras dengan Perjanjian Pusingan Uruguay.



Kerjasama teknikal pula merangkumi faktor industri kecil dan sederhana, pembangunan infrastruktur dan pembangunan sumber manusia.

Konsep EAEC tidak langsung disentuh dalam mesyuarat APEC di Jakarta. Mesyuarat telah menumpukan perbincangan sepenuhnya kepada isu-isu kerjasama APEC.

#### **BIDAN KERAJAAN BERTAULLAH - KEBENARAN MENGURUSKAN RUMAH BERSALIN**

19. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Kesihatan menyatakan didapati ada bidan-bidan kerajaan yang bertauliah yang sudah bersara berhasrat untuk berkongsi bagi membuka rumah 'orang bersalin' untuk mendapat mata pencarian tambahan, cara manakan patut mereka jalankan supaya kerjaya mereka dapat dilaksanakan mengikut aturan pihak kementerian.

#### **Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-pertua, mana-mana bidan kerajaan yang bertauliah dan yang telah pun memenuhi kehendak di dalam Akta Bidan dibenarkan untuk menjalankan amalan perbidanan di Malaysia dan mengikut Akta hospital Persendirian 1971 mana-mana bidan yang bertauliah dan berdaftar dengan Lembaga Bidan Malaysia adalah dibenarkan untuk mengendalikan dan menguruskan rumah bersalin yang mempunyai tidak lebih daripada 10 katil.

Walau bagaimanapun, perancangan perlu dibuat dengan seorang pengamal perubatan atau seorang doktor yang berdaftar supaya hadir setiap hari untuk memeriksa pesakit di dalam rumah bersalin .yang tersebut, mungkin kalau timbul risky deliveries, dengan izin, Bidan tersebut boleh memohon lesen untuk menjalankan rumah bersalin daripada KKM ataupun Kementerian Kesihatan Malaysia. Walau bagaimanapun, perjalanan dan pengurusan rumah bersalin ini adalah tertaklut di bawah Akta Hospital Persendirian 1971 seperti mana-mana hospital persendirian yang lain.

#### **HOTEL/RESTORAN - PENURUNAN HARGA MAKANAN DAN MINUMAN**

20. **Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) adakah pengusaha hotel dan restoran mewah menurunkan harga makanan dan minuman di premis masing-masing sedangkan penurunan duti import kira-kira 600 barangan mengikut Belanjawan 1995; dan
- (b) adakah kementerian akan mengambil tindakan atau menyenaraihitamkan hotel dah restoran mewah yang gagal menurunkan harga makanan dan minuman.

**Dr. Sak Cheng lua:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya, para pengusaha hotel dan restoran mewah telah mengambil langkah positif dengan menurunkan harga makanan dan minuman selaras dengan penurunan atau penghapusan duti import mengikut

Belanjawan 1995, sekiranya bahan-bahan mentah yang digunakan dalam penyediaan makanan itu terdiri dari bahan-bahan yang diimport. Dalam hubungan ini, para pengusaha juga memberi jaminan akan memberi segala kerjasama dengan kementerian bagi memastikan para pengguna mendapat faedah daripada penurunan dan penghapusan duti import.

Walau bagaimanapun, perlu juga dinyatakan bahawa kebanyakan bahan mentah yang digunakan bagi menyediakan makanan adalah terdiri daripada bahan-bahan mentah tempatan dan dengan demikian, harga makanan tersebut tidak diturunkan dan masih di paras harga yang lama.

- (b) Kementerian akan terus mengawasi perkara ini dan tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil dan ini akan termasuk menyenaraihitamkan hotel dan restoran mewah yang gagal menurunkan harga makanan dan minuman. Dalam hubungan ini juga, orang ramai adalah diminta untuk merujuk kepada kementerian sekiranya mendapati hotel dan restoran yang tidak menurunkan atau menaikkan harga makanan dan minuman agar tindakan sewajarnya dapat diambil.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehingga kini, saya ingin mendapat maklumat, berapa banyakkah hotel-hotel dan restoran-restoran makanan mewah ini yang telah disenaraihitamkan?

**Dr. Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan dalam jawapan, pada masa sekarang, pada keseluruhannya, kementerian puas hati bahawa kebanyakan pengusaha hotel-hotel dan restoran mewah telah bekerjasama dengan pihak kerajaan. Maka, tidak ada sesuatu yang disenaraihitamkan.

#### PEKERJA ASING - BILANGAN PENGAMBILAN

21. **Tuan Chong Chi Sioug** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) bilangan pekerja asing mengikut pecahan jawatan yang nasih berkhidmat di Malaysia setakat ini; dan
  - (b) adakah kementerian bercadang mengambil masuk pekerja-pekerja dari negeri China.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak tahun 1992 hingga Oktober 1994, seramai 567,929 orang pekerja asing telah dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara untuk bekerja di negara ini di sektor-sektor yang dibenarkan, dan bilangan angka-angka itu telah saya jawab beberapa kali, terutamanya pada 27hb Disember, 1994. Saya tidak akan ulangi di sini.
- (b) Pada masa ini, kerajaan hanya membenarkan pengambilan pekerja asing, iaitu buruh asing dari 5 buah negara iaitu Indonesia, Filipina, Thailand, Bangladesh dan Pakistan. Setakat ini, kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan pekerja asing diambil selain daripada kelima-lima negara tersebut.

**Tuan Chong Chi Siong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan tadi. Jadi, saya cuma hendak tanya, adakah kementerian sedar bilangan pendatang asing menjalankan perniagaan sebagai penjaja di tepi Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. apakah tindakan yang kementerian akan ambil?

**Tuan Ong Ra Ting;** Tuan Yang di-Pertua, tindakan penguatkuasaan sejak beberapa tahun yang lalu ini masih berterusan. Operasi Nyah II untuk menangkap dan mengusir pendatang tanpa izin itu masih dijalankan dan baru-baru ini banyak operasi hampir tiap-tiap hari ada operasi di antara pihak polis dengan Imigresen di semua tempat yang menjadi tempat-tempat di mana pendatang izin ini telah pun berkumpul untuk melakukan kegiatan, termasuk Chow Kit. Di Chow Kit **itu**, operasinya itu lebih daripada pendatang tanpa izin. Sebenarnya penagih dadah, pengedar dadah dan maksiat, semuanya sekali gus. Jadi, banyak operasi sedang dijalankah dan masih tidak berhenti.

#### RUMAH ORANG TUA - SUMBANGAN PIHAK SWASTA

22. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan jumlah penghuni rumah orang tua di seluruh negara dan setakat manakah sumbangan pihak-pihak swasta sehingga ini.

**Tuan Tong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mentadbirkan 8 buah rumah kebajikan bagi orang-orang **tua**. Rumah kebajikan ini dikenali sebagai Rumah Seri Kenangan.

Jumlah orang-orang tua yang berada di Rumah-rumah Orang Tua ialah 2,022 orang. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan sahaja tidak dapat menyediakan kemudahan yang secukupnya tanpa bantuan pihak swasta. Berbagai kemudahan dan bantuan telah diberikan oleh pihak swasta kepada wargatua dari segi ide, wang ringgit, tenaga, kepakaran dan sebagainya.

Sejak tahun 1993, Amway telah menyediakan berbagai kemudahan untuk rumah orang tua termasuk membekalkan peralatan seperti mesin basuh, televisyen, almari kecil dan sebagainya. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah menjadipanganjurbersamaseminar sampeña Hari Wargatua Kebangsaan tahun **ini**. Beberapa aktiviti lain yang melibatkan sektor korporat akan dijalankan bersempena Hari Wargatua Kebangsaan seperti acara Familython yang bertujuan memupuk golongan muda supaya menyayangi wargatua.

Di samping itu, pihak Keretapi Tanah Melayu Bhd, Sistem Penerbangan Malaysia dan setengah-setengah syarikat bas telah memberikan kemudahan separuh tambang kepada wargatua yang menggunakan perkhidmatan mereka.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju dengan saya bahawa setengah-setengah daripada rumah kebajikan orang-orang tua ini sama tua dengan penghuninya. Jadi, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mendirikan semula Rumah-rumah Orang Tua ini supaya memberikan kemudahan yang lebih selesa kepada mereka?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan untuk mengubahsuai atau untuk membaiki Rumah Seri Kenangan telah dijalankan dan akan terus dijalankan. Tadi saya tidak jawab - saya cuma jawab Rumah-rumah Orang Tua yang ditadbir oleh kerajaan. Dari pihak swasta juga ada banyak mentadbir Rumah Orang Tua. Saya beri contoh, Rumah Orang Tua yang ditadbirkan oleh Majlis Pusat Kebajikan adalah sebanyak 108 buah dengan jumlah penghuni seramai 932 dan pihak swasta dan badan-badan sukarela telah pun mengadakan 8 buah lagi dengan penghuninya seramai 566. Ertinya, bilangan rumah ini memang banyak dan banyak di antara rumah mereka itu pun perlu pengubahsuaian dan perlu diperbaiki.

Dari segi ini, kita telah pun meluluskan satu Akta Pusat Jagaan di mana rumah-rumah tersebut akan dikenakan supaya dapat memberikan kemudahan yang baik kepada penghuni-penghuninya.

**Puan Hajar Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Setiausaha Parlimen telah memberitahu berkenaan dengan sumbangan-sumbangan daripada pihak-pihak swasta kepada Rumah Orang Tua. Tetapi saya ingin mendapat jawapan daripada pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, apakah langkah-langkah dan bentuk galakan yang dibuat oleh Kementerian sendiri untuk menggalakkan supaya ramai daripada pihak swasta dan orang individu menderma kepada rumah-rumah Orang Tua ini?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, kita menggalakkan pihak swasta menyumbang kepada golongan yang tidak bernasib baik iaitu melalui pendidikan awam menyedarkan masyarakat awam supaya swasta dapat menyumbang kepada usaha murni ini.

Galakan yang lain, kita ada satu bantuan bagi orang cacat, kita mengurangkan cukai dan hapuskan cukai untuk alat-alat tiruan dan sebagainya. Bagi usaha yang lain kita telah pun memberikan bantuan dari segi kewangan kepada Rumah-rumah Orang Tua yang dikendalikan oleh pihak swasta.

#### ANGGOTA TENTEBA BARU/BERSARA - JUMLAH

23. **Tuan Haji Othman bin Yunos** minta Menteri Pertahanan menyatakan pengambilan tentera baru dari tahun 1993 hingga November 1994 dan berapa jumlah pula anggota yang bersara pada tahun tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan [**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mobamed**]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tahun 1993 hingga November 1994, seramai 738 orang pegawai dan 12,064 orang anggota lain-lain pangkat telah diambil sebagai anggota baru.



Kejayaan pengambilan anggota-anggota baru ini adalah hasil daripada usaha-usaha giat yang dijalankan oleh kementerian untuk menarik minat golongan remaja memasuki Angkatan Tentera Malaysia. Dalam tempoh berkenaan seramai 10,734 orang pegawai dan anggota telah bersara dari perkhidmatan.

#### **KADET BOMBA - RANCANGAH JANGKA PANJANG**

24. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan skuad bomba atau kadet bomba di setiap sekolah menengah sebagai langkah dan rancangan jangka panjang mengatasi masalah kebakaran di negara ini.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skuad atau kadet bomba memangnya telah ditubuhkan di setengah-setengah sekolah tetapi terhad bilangannya kerana Jabatan Pendidikan Bomba tidak mampu untuk mengendalikan kadet bomba ini di setiap buah sekolah.

Walau bagaimanapun, setiap sekolah adalah diwajibkan supaya mengadakan latihan kebakaran sebagai langkah keselamatan semasa berlaku kebakaran.

#### **UNIVERSITI TERBUKA - PENUBUHAN**

25. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Pendidikan menyatakan perkembangan terbaru mengenai penubuhan "universiti terbuka".

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang bercadang memperluaskan konsep universiti terbuka dan berhasrat dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ke-7. Pada masa ini, Kementerian Pendidikan sedang meneliti dan menyelaraskan kemudahan-kemudahan pendidikan jarak jauh yang ada di Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hajah Che Porabinti**

**Haji Omar.**

**Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Soalan No. 26.

**JEMAAH RAJI - MASALAH KUOTA**

26. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang [Di bawah S.O. 23 (2)J]:** minta Perdana Menteri- -menyatakan apakah usaha-usaha yang dibuat di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Arab Saudi dalam usaha untuk menambah kuota jemaah haji Malaysia bagi tahun-tahun hadapan.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Malaysia sentiasa berusaha membolehkan semua jemaah haji yang telah mendaftar dapat menunaikan haji. Perundingan dan hubungan yang baik dengan Kerajaan Arab Saudi akan diteruskan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Arab Saudi mempunyai kuasa mutlak sama ada membenarkan jemaah haji Malaysia yang melebihi kuota boleh menunaikan fardu haji atau tidak.

**Tuan Saidin bin Mohamad;** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan mendapat maklumat daripada negara-negara jiran terutamanya kuota yang telah diuntukkan kepada mereka tidak penuh? Jadi, sehubungan dengan itu adakah kuota yang tidak penuh itu pihak kerajaan kita mendapatkan peluang?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** tuan Yang di-Pertua, biasanya kuota diberi atas 1% daripada jumlah penduduk Malaysia iaitu pada tahun 1994 sebanyak 19,000. Bagaimanapun, kuota ini biasanya ditambah dengan hubungan dan kerjasama yang baik antara kerajaan Malaysia dengan Arab Saudi. Seperti di masa-masa yang lalu, di mana saya sebut tadi, biasanya ditambah daripada kuota yang telah ditetapkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 27 hingga 44 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]**

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA  
PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

**3.37 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari **ini**, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh, yang tidak ditetapkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul atas nama Yang Berhormat Senator Dato' Mustapa bin Mohamed,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan,

hendaklan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAH PRODUKTIVITI NEGARA (PENERBADANAN)  
(PINDAAN) 1994****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.39 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua,** saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) 1966 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kerajaan mencadangkan beberapa pindaan kepada Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) 1966 ini adalah untuk melicinkan urusan pentadbiran Perbadanan dan untuk memberi kuasa melaksanakan keputusan Jemaah Menteri bagi urusan penswastan Hotel NPC dan Institut Pengurusan Perhotelan (IPP);.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk menghuraikan ciri-ciri utara Rang. Undang-undang yang dibentangkan ini.

Seksyen baru 5C yang merupakan peruntukan baru berhubung dengan pengenaan surcaj terhadap mana-mana orang yang sedang atau pernah bekerja dengan Perbadanan. Pindaan ini adalah selaras dengan syor Pejabat Ketua Audit Negara supaya satu peruntukan khusus mengenai surcaj diwujudkan dalam Akta. Pada masa, ini Perbadanan tidak diperuntukkan kuasa untuk memindahkan atau melupuskan apa-apa

aktiviti, kuasa, tugas atau fungsinya kepada mana-mana organisasi atau badan lain.

Dengan memasukkan seksyen 7C Perbadanan ini diberi kuasa untuk memindahkan aktiviti perhotelan dan Institut Pengurusan Berhotelan NPC kepada syarikat KUB Holdings Berhad, yang demikiannya ia akan melicinkan urusan penswastaaan seperti yang diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 11hb Mei, 1994 tersebut.

Pindaan seterusnya adalah bertujuan- mengemaskinikan lagi Akta bagi memudahkan urusan pentadbiran Perbadanan, terutama perkara-perkara yang berhubung dengan urusan Lembaga Pengarah seperti kuorum mesyuarat, penggunaan meteri Lembaga, kelayakan keahlian Lembaga dan sebagainya.

Seksyen baru 19 ini memberikan kuasa kepada menteri untuk meminda Jadual Akta melalui perintah yang disiarkan dalam Warta. Pada masa ini, pindaan kepada Jadual ini perlu diluluskan oleh Parlimen. Yang demikian, dengan kuasa yang diberikan kepada menteri untuk membuat pindaan kepada Jadual ini akan melicinkan lagi urusan pentadbiran perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.

**timbangan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mobamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon.

### **3.41 ptg.**

**Dr. Toh Kin Woon:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian serta menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) 1966.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat kita nafikan bahawa perbadanan produktiviti negara memainkan peranan yang amat penting iaitu

mempertingkatkan produktiviti negara ini pada keseluruhannya. Melalui peningkatan dalam produktiviti negara inilah yang merupakan punca pertumbuhan ekonomi negara pada masa depan. Pertumbuhan ekonomi boleh dicapai melalui sama ada pertambahan dalam input-input faktor ataupun peningkatan dalam apa yang dipanggil "jumlah produktiviti faktor" ataupun, dengan izin, total factor productivity. Di negara kita, memandangkan kepada adanya nad kepada penawaran input-input faktor khasnya buruh, maka pertambahan dalam input-input faktor sebagai sumber pertumbuhan ekonomi mungkin terbatas. Oleh yang demikian, pertumbuhan dalam jumlah produktiviti faktor akan merupakan sumber utama bagi pertumbuhan ekonomi.

Berkait dengan pertumbuhan dalam produktiviti faktor pada keseluruhannya, apakah prestasinya di negara kita ini? Bagaimana pula kita dapat mempertingkatkan lagi pertumbuhan dalam produktiviti ini dan apakah peranan yang bolen dimainkan oleh NPC dalam hal ini dan bagaimanakah pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam akta yang dicadangkan di dalam Dewan yang mulia ini dapat memperbaiki lagi prestasi NPC dalam hal ini?

Mengikut "The World Comparativeness Report" bagi tahun 1994, Keluaran Dalam Negara Kasar bagi seorang pekerja di Malaysia pada tahun 1992 ialah USS8,162. ini meletakkan Malaysia dalam kedudukan 32 di antara satu sampel 44 negara-negara yang baru mencapai tahap perindustrian baru dan negara-negara yang kini mengalami kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat. Tetapi dari segi kadar pertumbuhan

dalam produktiviti pada keseluruhannya bagi tempoh 1985 hingga tahun 1993 prestasi Malaysia telah jauh lebih baik. Tempoh ini, Malaysia mencatatkan 4.8% dari segi kadar pertumbuhan tahunan dalam KDNK bagi setiap orang pekerja dan, berasaskan kepada ukuran ini, Malaysia terletak dalam kedudukan yang kelapan.

Haikikat bahawa Malaysia perlu mempertingkatkan tingkat produktiviti pada keseluruhannya adalah jelas. Ini adalah kerana berasaskan kepada kadar pertumbuhan dalam tingkat produktiviti pada keseluruhannya, berbanding: dengan kadar pertumbuhan dalam upah para pekerja yang akan menentukan kedudukan daya saing relatif Malaysia di dunia. Dalam hal ini, saya rasa agak bimbang tentang hakikat bahawa bagi tempoh 7 bulan pertama tahun ini, kadar pertambahan dalam upah bagi sektor perkilangan setinggi 6.7% melebihi kadar kenaikan dalam produktiviti yang hanya setinggi 2.2% sahaja. Sekiranya trend ini berterusan, kebolehsaingan sektor perkilangan negara kita ini akan dihakiskan dengan cepat dan ini seterusnya akan menjejaskan prestasi ekonomi negara kita pada keseluruhannya. Oleh yang demikian, kita harus menghentikan trend ini:

Sudah tentu dalam hal ini kita harus mempertingkatkan tingkat produktiviti sektor perkilangan kepada paras yang lebih tinggi dan pada kadar yang lebih pesat dan kemudian menyelaraskan kenaikan dalam upah para pekerja sehingga hanya sama tetapi tidak boleh melebihi kadar kenaikan dalam produktiviti ini.

Memang ada banyak faktor yang menyumbang kepada peningkatan dalam produktiviti sektor perkilangan dan ini termasuk di antara



lainnya, darjah terbukanya ekonomi negara kita, berapa banyak pelaburan asing secara langsung. Setakat mana terdapatnya import teknologi, paras pendidikan, para pekerja, sektor perkilangan pada puratanya. Setakat mana terdapatnya automation dan corporatisation, dengan izin, paras R&D. Setakat mana terdapatnya penyebaran teknologi, setakat mana terdapatnya latihan-latihan semula bagi mempertingkatkan paras kemahiran dan mutu pengurusan?

Salah satu daripada cara penting bagi mempertingkatkan produktiviti para pekerja ialah melalui apa yang dipanggil "penyebaran teknologi" (technological diffusion), dengan izin. Yang dimaksudkan dengan penyebaran teknologi ialah bahawa know-how dan know-why baru apabila ditemui atau diimportkan harus disebarkan sepanjang industri. Maklumat teknologi adalah termasuk "maklumat bagaimana" dan "maklumat mengapa" dalam kedua-dua bidang kejuruteraan dan pengurusan?

Satu cara yang berkesan bagi memastikan penyebaran teknologi yang cepat ialah dengan mewujudkan talian antara pengurusan-pengurusan besar sama ada asing atau tempatan dan Industri-industri kecil dan Sederhana tempatan. Akan tetapi satu faktor yang menyekat atau yang menghalang pengwujudan talian-talian sedemikian ialah keupayaan kerajaan teknologi dan pengurusan yang rendah, kebanyakannya antara

IKS tempatan. Oleh yang demikian, adalah perlu keupayaan teknologi dan pengurusan IKS ini dipertingkatkan lagi. Ada banyak cara untuk melakukan ini tetapi salah satu daripada caranya ialah mengadakan seminar-seminar dan kursus-kursus latihan mengenai produk-produk baru, teknik-teknik pengeluaran baru dan pengurusan. Di sini NPC bolen memainkan peranan yang penting.

Saya difahamkan bahawa NPC memang sedang memainkan peranan ini tetapi skop dan liputannya tidaklah diperluaskan sehingga termasuk kebanyakan di antara IKS di negara ini. Bagi kebanyakan di antara IKS, cara para pengurus dan pekerjanya mempertingkatkan keupayaan teknologi dan pengurusan ialah melalui belajar sambil bekerja dan menghadiri kursus-kursus yang dijalankan oleh dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan perdagangan dan guild-guild. Akan tetapi kursus-kursus sedemikian rupa adalah jarang dilakukan dan ini adalah lantaran daripada hakikat bahawa institusi-institusi ini sendiri menghadapi masalah kekurangan sumber-sumber, termasuk kedua-dua sumber manusia dan kewangan.

Di sini saya ingin mencadangkan suatu usaha sama antara NPC dan berbagai-bagai kumpulan ini harus diwujudkan bagi maksud memastikan bahawa banyak latihan dan latihan semula dalam bidang teknikal dan pengurusan disediakan pada asas yang lebih kerap dan ditawarkan kepada para pengurus dan para pekerja di IKS. Mungkin NPC boleh menugaskan dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan perdagangan dan sebagainya untuk mengendalikan kursus-kursus untuk IKS berasaskan kepada sukatan pelajaran yang ditentukan bersama oleh NPC, syarikat-syarikat multinational, syarikat-syarikat besar yang lain dan IKS ini sendiri.

Selain dari kursus-kursus, berbagai-bagai badan ini boleh juga menganjurkan pameran bersama dengan NPC. Pemandangan pengangkutan aktiviti-aktiviti, tugas-tugas, fungsi-fungsi kepada mana-mana orang perseorangan atau badan otonom NPC kini dibenarkan. Dengan adanya kemasukan Seksyen 7C, selepas Seksyen 7B pada Akta itu dan pemindahan sedemikian rupa, memastikan bahawa lebih ramai lagi peserta-peserta industri, khasnya mereka yang menceburkan diri dalam IKS akan mendapatkan faedah daripada kemajuan dalam know-how dan know-why technical dan pengurusan. Dengan cara yang demikian, memastikan penyebaran teknologi yang lebih berleluasa dan seterusnya peningkatan dalam kebolehsaingan perindustrian.

Perluasan liputan demikian adalah hasil daripada hakikat bahawa berbagai-bagai dewan perniagaan, persatuan-persatuan perdagangan dan sebagainya dapat menyampaikan maklumat kepada ahli-ahli secara berkesan. Dan penyampaian maklumat ini adalah dijalankan dalam satu bahasa perantaraan yang difahami oleh kebanyakan daripada mereka yang menceburi IKS.

Seringkali kita dapati maklumat mengenai kursus-kursus yang dijalankan oleh NPC tidak diketahui secara luas, khasnya oleh mereka yang terlibat dalam IKS. Di samping itu, kursus-kursus ini sering dikendalikan dalam satu bahasa perantaraan yang ramai, yang terlibat

dalam IKS tidak ataupun belum menguasai lagi, akan, tetapi apabila kursus-kursus ini dijalankan oleh berbagai-bagai dewan perniagaan, persatuan-persatuan perdagangan di bawah penyeliaan NPC, kursus-kursus ini akan disampaikan dalam bahasa perantaraan yang dapat difaharai oleh mereka yang terlibat dalam IKS.

Penyeliaan oleh NPC adalah penting, Tuan Yang di-Pertua, supaya menjamin bahawa mutu kursus-kursus latihan adalah, tinggi dan bahawa know-how dan know-why technical yang terbaharu adalah disampaikan kepada para peserta. Dalam hal ini, NPC dan berbagai-bagai institusi tinggi ini dapat bekerjasama dengan perusahaan-perusahaan besar yang dapat menawarkan pengajar-pengajar dan juga alat-alat mengajar bagi kursus-kursas ini.

Usahasama-usahasama dan skim-skim kerjasama sedemikian akan juga memastikan bahawa latihan dan latihan semula adalah diorientasikan ke arah mempertingkatkan keupayaan teknikal IKS, sebagai penawar bahagian dan komponen kepada perusahaan-perusahaan besar. Begitu juga usahasama dan kerjasama yang rapat harus juga diwujudkan dengan SIRIM dan universiti-universiti, politeknik-politeknik dan maktab-maktab teknikal tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, NPC mungkin boleh mengambil kesempatan ekoran daripada pindaan kepada Akta untuk mencari kemungkinan mewujudkan skim kerjasama dan usahasama dengan kolej-kolej swasta yang telah pun ditubunkan di negara ini.

Seperti apa yang kita semua sedia maklum, kebanyakan di antara kolej-kolej swasta ini, kini sedang menawarkan kursus-kursus yang membawa kepada penganugerahan sijil ataupun diploma bagi banyak kursus. Bilangan kursus-kursus ini boleh diperkembangkan, akan tetapi kebanyakan di antara kolej-kolej swasta di negara ini menghadapi masalah kekurangan sumber-sumber manusia untuk berbuat demikian.

Sekali lagi, NPC boleh bekerjasama dengan kolej-kolej swasta ini dengan bersama-sama menawarkan sebahagian daripada kursus-kursus diploma. Dalam hal ini, NPC boleh meminta kerjasama dari pihak firma-firma yang terlibat dalam sektor perkilangan untuk menjalankan setengah kursus-kursus ini.

Saya yakin adanya banyak kesempatan untuk usahasama dengan kolej-kolej swasta. Apabila diwujudkan ianya akan mendatangkan banyak faedah yang termasuk:

- (i) Penawaran kursus-kursus yang lebih oleh kolej-kolej swasta dan dengan cara yang demikian dapat memenuhi minat yang lebih para pelajar.
- (ii) Memastikan penawaran kemahiran-kemahiran yang lebih.
- (iii) Memastikan bahawa kemahiran-kemahiran sedemikian rupa dapat memenuhi permintaan masa depan industri di Malaysia dan akhirnya HPC boleh juga memperolehi pendapatan bagi menutup sebahagian daripada kos kendaliannya.

Itu sahaja, Tuan Yang di-pertua, ucapan saya mengenai Akta untuk meminda Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) 1966.

Saya ingin sekali lagi menyuarakan sokongan saya untuk Akta ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Diminta pihak Setiausaha Parlimen menjawab.

**3.56 ptg.**

**Datuk S.S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon yang telah bangun membahaskan mengenai Rang Undang-undang ini. Beliau juga telah menghuraikan beberapa huraian yang amat dialu-alukan oleh kita dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas satu perbincangan yang amat berguna kepada kita.

Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon telah menyuarakan beberapa angka-angka berkaitan dengan World Competitive Report dan juga pertumbuhan ekonomi berkaitan dengan produktiviti dan sebagainya.

Satu lagi angka yang amat penting, saya ingin menyentuh di sini ialah laporan World Economic Forum yang telah membuat satu kajian menyeluruh mengenai persaingan negara-negara maju dan sedang maju, di atas pertumbuhan ekonomi mereka dan di bawah mana mereka telah mencatatkan negara kita sebagai negara yang ketiga di dalam peningkatan ekonomi di seluruh dunia.

Saya ingin menyuarakan ini adalah satu angka yang amat penting dan kita harus mengalu-alukan. Semua ini adalah hasil daripada apa yang telah dilakukan dengan dasar dan juga di atas pengendalian ekonomi negara oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri kita. Ini adalah satu perkara yang harus diambil kira apabila kita membahaskan produktiviti dengan

perturabuhan ekonomi negara kita. Walaupun kita mengakui boleh jadi produktiviti negara kita masih tidak begitu memuaskan jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan ekonomi negara maju.

Kita sedang mengambil beberapa langkah-langkan untuk meningkatkan lagi produktiviti negara kita. Langkah-langkah yang sedang diambil ialah:

- (i) penggunaan teknologi yang moden dan perubahan ke arah skills intensive operation.
- (ii) peningkatan kualiti kemahiran berteknologi.
- (iii) penggunaan teknik baru dalam pengeluaran dan sistem pengeluaran di negara kita.
- (iv) penggunaan konsep pengurusan moden seperti TQM, QCC dan sebagainya; dan
- (v) menggunakan bench marking di atas produktiviti di negara kita.

Di atas langkah-langkah yang sedang diambil, kita juga ingin menyentuh di atas lain-lain perkara iaitu kita sedang mengambil pertimbangan yang begitu hebat. Oleh itu, di atas perkara R&D dan juga mempertingkatkan teknologi dan mengalu-alukan teknologi tinggi daripada luar negeri, juga untuk mempertingkatkan mutu pengurusan di negara kita.

Kita mengakui di atas pengurusan IKS masih tidak begitu memuaskan dan pihak NPC dan juga pihak MITI sedang mengambil beberapa langkah positif untuk menaikkan lagi pengurusan di atas semua kilang-kilang di bawah IKS ini.

Di atas cadangan Yang Berhormat, satu kerjasama harus diadakan dengan pihak NPC, badan-badan dan dewan-dewan perniagaan dan juga pihak-pihak IKS. Saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik dan kita akan mengkaji dengan mendalam bagaimana maklumat-maklumat berhubung dengan beberapa kursus yang dianjurkan oleh NPC boleh disebarkan kepada semua pihak yang berkaitan dengan IKS dan juga dewan-dewan perniagaan.

Walau bagaimanapun, saya ingin mencatatkan di sini pihak NPC telah menjalankan 59 kursus dalam tahun 1994 untuk IKS juga dan lebih kurang 1,071 peserta telah mengambil bahagian di dalam kursus-kursus yang telah dijalankan oleh pihak NPC.



Tetapi walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh di sini bahawa ini belum mencukupi dan kita akan meningkatkan lagi kursus yang dianjurkan oleh pihak IKS.

Kerjasama di antara pihak NPC dan kolej swasta juga adalah satu langkah yang baik dan saya rasa kita harus mengkaji bagaimana kita boleh bekerjasama untuk meningkatkan lagi hasrat kolej-kolej swasta dan hasrat NPC yang saya rasa akan bekerjasama di atas apa yang kita harus sampaikan kepada pihak penduduk di negara kita. Saya rasa kita akan mengkaji cadangan itu.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr. Toh Kin Woon yang telah menyampaikan lain-lain huraian kepada kita. Ini sungguh dialu-alukan dan saya mengucapkan terima kasih kepada beliau. Mana-mana yang tidak disentuh di sini saya akan mengambil kira dan akan menyampaikan kepada pihak NPC untuk mengambil tindakan-tindakan yang positif untuk menunaikan apa yang telah disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalan jawapan saya yang dapat diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli yang tidak menyampaikan sokongan tetapi akan menyokong kita di atas segala usaha yang akan kita ambil.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan,bersidang sebagai Jawatankuasa.

[TimbalanYang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 4 diperintahkan** jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang, dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### RANG UNDANG-UNDANG PENCULIKAN (PINDAAN) 1994

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

##### **4.04 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Penculikan (Pindaan) 1994 dibaca bagi kali yang kedua.

**Timbalan Tang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Penculikan 1961 adalah bertujuan untuk menamatkan sistem pembicaraan menggunakan bantuan pengapit dalam kes-kes penculikan. Ini adalah selaras dengan cadangan kerajaan untuk menamatkan pembicaraan menggunakan sistem juri dan pembicaraan dengan bantuan pengapit bagi kesalahan-kesalahan yang boleh membawa hukuman mati.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklurn, sesuatu Rang Undang-undang meminda Kanun Prosedur Jenayah bagi tujuan ini telah pun diluluskan oleh Dewan sebelum **ini**. Pembicaraan dengan bantuan pengapit sering kali mengakibatkan dalam pembicaraan yang berlanjutan kerana kesukaran mendapatkan orang-orang yang layak dan yang sedia berkhidmat sebagai pengapit.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bercadang untuk memansuhkan pembicaraan dengan bantuan pengapit supaya dapat menyegerakan penyelesaian kes-kes penculikan di mahkamah serta menjimatkan kos dan masa mahkamah dan semua pihak yang terlibat. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini dapat mengemaskini proses pembicaraan jenayah di mahkamah tanpa menjejaskan keadilan bagi mana-mana pihak. Sebaliknya cadangan-cadangan ini apabila dilaksanakan akan membebaskan sistem kehakiman kita daripada prosedur dan tatacara yang tidak bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Penculikan 1961 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

#### **4.07 ptg.**

**Puan Kian Sit Har:** Tuan Yang di-Pertua, Menteri Undang-undang Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar dalam kenyataan beliau di dalam akhbar menyatakan bahawa kerajaan telah bersetuju meluluskan

sistem juri dalam perundangan di negara ini. Di masa yang sama juga perbicaraan bagi penjenayah, penculikan dan pembunuhan tidak akan lagi dibicarakan seperti mana yang ada sekarang. Sebaliknya, ia akan terus dibawa ke Mahkamah Tinggi bagi perbicaraan terus dan mendapatkan keputusan mahkamah. Alasan yang diberi oleh Menteri Undang-undang ialah sistem juri yang dipraktikkan selama ini telah tidak sesuai dan menghadapi masalah mendapatkan para juri. Di samping itu para juri juga mungkin tidak dapat berfungsi oleh kerana kes-kes yang terlalu canggih dan sophisticated.

Penghapusan perbicaraan secara biasa bagi penjenayah dan pembunuh adalah kerana untuk menjimatkan masa dan pertindihan perbicaraan. Saya berpendapat jika alasan yang diberikan dapat membuktikan kesahihan dan kebenarannya, jika tidak, ia adalah terlalu tipis dan sukar diterima. Sebenarnya sistem juri yang dipraktikkan tidak begitu mendatangkan masalah. Juri dilantik di kalangan rakyat yang profesional dan difikirkan berwibawa. Sistem ini telah diamalkan di negara ini hampir 120 tahun.

Dari sudut yang tertentu mungkin kita akan mendapati, sedikit masalah. Tetapi dalam menentukan hukuman yang adil terhadap pesalah-pesalah adalah lebih baik satu keputusan secara collective dibuat. Dengan itu sistem juri yang terdiri daripada 7 orang adalah lebih sesuai berbanding dengan keputusan yang hanya dibuat oleh seorang hakim sahaja.

Dalam menentukan kesalahan si pesalah, sistem pembelaan dan perbicaraan yang adil sangatlah penting. Jika keputusan hanya bergantung kepada seorang sahaja, adalah amat dikhuatiri keputusan bijak mungkin tidak dapat dicapai. Ini adalah penting terutamanya bagi kes-kes yang melibatkan pembunuhan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita yang mengamalkan kebebasan demokrasi dan negara yang berlandaskan undang-undang adalah sangat-sangat diharapkan sesuai pindaan yang hendak dibuat haruslah diteliti. Kepentingan dan keadilan rakyat harus diutamakan. Saya ditahamkan melalui akhbar, keputusan kerajaan melupuskan sistem juri tidak mendapat sokongan dari Majlis Peguam. Ini telah menimbulkan rasa tidak senang serta syak wasangka di kalangan rakyat terhadap sistem perundangan negara kita. Adalah diharapkan Menteri Undang-undang dapat mengambil kira pandangan dari Majlis Peguam serta membina saluran perbicaraan dua hala dengan pihak yang tersebut. terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Setiausaha Parlimen menjawab.

#### **4.13 ptg.**

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Kian Sit Har yang telah memberi pandangan beliau mengenai perkara yang telah kita bincangkan pada petang ini. Beliau telah menyentuh beberapa perkara. Yang pertama adalah mempersoalkan keputusan kerajaan untuk menghapuskan sistem juri di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya membentangkan Rang Undang-undang Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1994 kelmarin saya telan memberi berbagai nujan untuk menjelaskan mengapa kerajaan membuat keputusan untuk menghapuskan sistem juri. Sebagai kesimpulan, kerajaan telan berpendapat bahawa sistem juri kita ini adalah tidak sesuai lagi dengan zaman sekarang. Dan mengapa tidak sesuai juga telah dijelaskan kelmarin. Oleh yang demikian, maka kerajaan mengambil Keputusan bahawa ianya harus dihapuskan. Kerajaan begitu juga mengakui bahawa pandangan untuk menyokong sistem juri juga kukuh, tetapi setelah melihat berbagai keadaan dan dari berbagai sudut, dan untuk menjimatkan masa, menjimatkan wang dan sebagainya dan beberapa masalah yang lain, oleh itu kerajaan membuat keputusan bahawa sistem juri haruslah dihapuskan. Yang Berhormat juga menyokong kelmarin dan kita telah meluluskan Rang Undang-undang menghapuskan sistem itu.

Perkara yang kedua yang disentuh oleh Yang Berhormat adalah keputusan kerajaan untuk menghapuskan sistem juri tidak disokong oleh Majlis Peguam. Yang Berhormat Menteri Undang-undang telah pun menjawab perkara ini dalam Dewan Rakyat dan menjelaskan bahawa sebelum Rang Undang-undang ini dibentangkan kepada Dewan Rakyat dan kemudian ke Dewan Negara, beliau telah membuat pengumuman di surat khabar, di media massa, tujuannya adalah untuk menculik pandangan dari mana-mana pihak yang berkenaan dari orang ramai, dari rakyat biasa dan termasuk juga dari Majlis Peguam dan didapati bahawa tidak ada halangan yang dianggap sebagai kritikal. Oleh yang demikian, maka kerajaan meneruskan keputusan untuk menghapuskan sistem juri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jawapan itu, saya sekali lagi mengucap terima kasih kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 dan 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAH (PINDAAN)(NO.2) 1994**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.16 ptg.**

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan)(No.2) 1994 dibacakan bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini ialah untuk mengubah suai dan memantapkan lagi bidang kuasa serta kuasa-kuasa mahkamah berikutan daripada keputusan kerajaan menubuhkan Mahkamah Rayuan dan wujudnya sistem kehakiman, satu perbicaraan dan dua peringkat rayuan.

Di bawah struktur baru ini, Mahkamah Persekutuan akan mendengar rayuan-rayuan yang dimajukan kepadanya daripada sesuatu keputusan oleh Mahkamah Rayuan. Oleh yang demikian, beberapa pindaan berbangkit perlulah dibuat lagi bagi menyelaraskan dan memantapkan lagi kuasa dan bidang kuasa Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan dalam konteks struktur baru badan kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 adalah perlu juga dibuat bagi mengubahsuaikan tatacara perbicaraan selaras dengan cadangan untuk menghapuskan perbicaraan dengan menggunakan sistem juri dan pengapit. Mahkamah Rayuan pada ketika ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar sebarang rayuan jenayah terhadap sebarang keputusan Mahkamah Tinggi dalam menjalankan bidang kuasa asalnya atau dalam menjalankan bidang kuasa rayuannya terhadap sesuatu keputusan Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret.

Pindaan yang dicadangkan melalui Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meluaskan bidang kuasa Mahkamah Rayuan dan juga bagi memperuntukkan kuasa untuk mendengar dan menentukan apa-apa rayuan terhadap sebarang keputusan Mahkamah Tinggi yang dibuat pada menjalankan bidang kuasa penyemakannya.

Pindaan adalah dicadangkan bagi memperuntukkan supaya apa-apa rayuan berhubung dengan persoalan undang-undang pada Mahkamah Rayuan atau sesuatu persoalan undang-undang kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Majistret mestilah merupakan sesuatu persoalan undang-undang yang telah berbangkit dalam perjalanan rayuan atau penyemakan oleh Mahkamah Tinggi itu dan penentuan soalan itu oleh Mahkamah Tinggi telah mempengaruhi kesudahan rayuan atau penyemakan



itu. Ia adalah bertujuan untuk menetap atau menjelaskan kuasa rayuan Mahkamah Rayuan dalam konteks bidang kuasa penyemakan mahkamah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan penjelasan dan penetapan kuasa rayuan Mahkamah Rayuan sebagaimana yang dinyatakan tadi, maka adalah dicadangkan supaya pindaan dibuat kepada seksyen 51(2) menerusi Fasal 3 Rang Undang-undang ini bagi memperjelaskan perjalanan had masa yang ditetapkan untuk membuat permohonan rayuan kepada Mahkamah Rayuan. Ini adalah semata-mata bertujuan untuk memperjelaskan perkiraan tempoh masa yang ditetapkan bagi permohonan untuk membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah Persekutuan secara umumnya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar sebarang rayuan sivil yang dirujuk kepada daripada sebarang keputusan Mahkamah Rayuan tertakluk kepada Seksyen 96(a)(1) iaitu nilai pertikaian yang terlibat dalam rayuan tersebut ialah RM250,000 atau lebih. Oleh itu, pindaan yang dicadangkan dibuat kepada Seksyen 96 melalui Fasal 16, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengeneipkan keperluan mengambil kira nilai wang ringgit sesuatu tuntutan itu.

Ini adalah kerana peruntukkan yang sedia ada menghalang rayuan daripada keputusan beberapa perkara sivil, khususnya berhubung dengan kajian semula kehakiman, tindakan pentadbiran dan perintah prerogative yang pada kebiasaannya tidak boleh dinilai dengan wang, daripada di bawah ke Mahkamah Persekutuan.

Melalui Fasal 12, Rang Undang-undang ini pula, adalah untuk meminda Seksyen 67(1) bagi menyelaraskan bidang kuasa rayuan Mahkamah Persekutuan supaya merangkumi semua tindakan sivil selaras dengan kuasa dan bidangkuasa yang diperuntukan kepada mahkamah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini saya telah membentangkan Rang Undang-undang Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1994 dan Rang Undang-undang Akta Penculikan (Pindaan) 1994, bagi tujuan menghapuskan amalan pembicaraan dengan sistem juri dan pengapit. Selaras dengan penghapusan sistem juri dan pengapit ini beberapa pindaan consequential kepada Akta Mahkamah Kehakiman, 1964 perlulah dibuat untuk menyelaraskan tata-cara pembicaraan dan rayuan kes-kes

jenayah. Bagi maksud tersebut, pindaan-pindaan adalah dicadangkan dibuat masing-masing kepada sub-seksyen 61(3) menerusi Fasal 8 dan seksyen 69(3) menerusi Fasal 14 Rang Undang-undang **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, beberapa pindaan berbangkit juga dicadangkan untuk memperjelaskan lagi peranan dan bidangkuasa setiap peringkat mahkamah di dalam struktur baru badan kehakiman. Beberapa pindaan dicadangkan untuk memperjelaskan takrif 'trial court' selaras dengan struktur baru serta bidangkuasa pembicaraan dan rayuan badan kehakiman, Pindaan-pindaan tersebut adalah dicadangkan di dalam Fasal-fasal 5, 6, 7, 13, 14 dan 15 Rang Undang-undang **ini**.

Fasal 17 Rang Undang-undang memperuntukan mengenai kekecualian dan peralihan bagi membolehkan prosiding yang belum selesai di hadapan Mahkamah Agung pada 20hb Jun, 1994 diteruskan di Mahkamah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, dilihat dari segi rasional Rang Undang undang ini secara menyeluruh, adalah ternyata bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan menerusi fasal-fasal yang disebutkan tadi adalah semata-mata bertujuan untuk menyelaras dan memperjelaskan lagi peruntukan undang-undang mengenai kuasa dan bidang kuasa Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan dalam konteks struktur baru Badan Kehakiman. Kesampingan daripada itu juga, ia adalah bertujuan untuk mengubah suai tata-cara pembicaraan akibat daripada cadangan untuk menghapuskan sistem juri dan pengapit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiraan 1994, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas . Puan Kian Sit Har.

4.26 ptg.

**Puan Kian Sit Har:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir mengatakan bahawa tiada pegawai tinggi kerajaan mahupun pemimpin-pemimpin UMNO yang tidak didakwa dan di bawa ke pengadilan mahkamah. Ini adalah kerana sistem perundangan negara kita adalah bebas dan independent.

Menteri Undang-undang, Dato' Syed Hamid juga menegaskan, di sisi undang-undang semua rakyat di negara ini adalah sama, kaya, miskin, berpengaruh atau tidak tetap diadili. Maka dengan **itu**, kewujudan double-standard, dengan izin, tidak timbul sama sekali. Pengalaman-pengalaman lepas telah menunjukkan kepada kita iaitu kes-kes yang melibatkan pecah amanah, penculikan, rasuah dan lain-lain salah laku yang boleh menjejaskan keamanan dan ketenteraman masyarakat apabila di bawa ke mahkamah, hukuman yang dikenakan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Kejadian seumpama ini telah mengecewakan rakyat negara ini dan ini juga akan menyebabkan mereka hilang kepercayaan terhadap perundangan negara.

Di samping itu juga, sebelum sesuatu hukuman dijatuhkan kepada sitertuduh, rakyat biasa telah lebih awal boleh membayangkan corak hukuman yang akan dikenakan. Mengapa keadaan ini boleh terjadi?

Hukuman ringan terhadap pesalah yang melakukan kesalahan berat bukan sahaja tidak adil, malahan ia akan menggalakkan rakyat di negara ini melakukan kesalahan besar yang sama kerana mereka tahu kesalahan besar hukumannya ringan. Menurut kajian yang dilakukan oleh takulti perundangan Universiti Malaya, dua tahun yang lalu terdapat sebilangan hakim dan pendakwaraya yang tidak begitu mahir dalam profesion mereka.

Ini adalah satu tamparan hebat dan sindiran terhadap mereka. Maka, adalah diharapkan penyesuaian semua kualiti hakim-hakim yang profesional adalah amat perlu. Jika tidak sistem perundangan negara kita akan terus diterajui oleh kumpulan profesional yang tidak profesional. Apabila ini terus berlaku kewibawaan mahkamah dan kepercayaan rakyat terhadap mahkamah akan lopus. Ini amat merugikan negara. Seorang peguara terkenal dari England pernah berkata "Jangan tanya saya apa itu undang-undang. Kerana saya tahu apa itu keadilan dan menegakkannya". Maka olen itu saya berharap profesional perundangan harus mengambil iktibar dan mempraktikkan perundangan yang tulen demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara keseluruhannya, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan pihak Menteri menjawab.

**4.29 ptg.**

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya sekali ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Kian Sit Har yang telah juga memberi pandangan yang bernas dan akan diambil perhatian oleh kementerian.

Pertama, beliau telah menyokong pandangan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menegaskan bahawa sistem kehakiman kita memang bebas dan dari segi sejarah, bukan hanya di dengar bebas, tetapi telah dilihat juga bebas untuk menjalankan kerja mereka.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kelihatan bebas.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** .....untuk menentukan dah menegakkan keadilan di negara kita ini dan untuk menentukan juga bahawa siapa yang bersalah harus di bawah ke pihak kehakiman.

Perkara yang kedua yang disebut tadi ialah mengenai hukuman yang tidak setimpal dengan kesalahan. Memang seseorang ataupun kumpulan tertentu termasuk juga hakim-hakim mungkin tidak sependapat mengenai apa yang dikatakan setimpal dengan sesuatu kesalahan, tetapi saya berharap Yang Berhormat juga sedar tanggung jawab kita di sini adalah juga sama berat. Oleh **itu**, kalau Yang Berhormat memerhatikan dalam beberapa pindaan undang-undang, Parlimen mengenakan hukuman mandatori kepada beberapa kesalahan. Ini menunjukkan bahawa kita akan menentukan di beberapa kesalahan Parlimen menghendakkan hukuman yang kurang lebih setimpal. Tetapi apa yang setimpal, itu susah kita hendak tafsirkan dan dalam satu keadaan, hakim perlu melihat keadaan sekeliling dan juga hujah-hujah kedua-dua pihak peguam dan begitu juga rekod yang dibawa ke hadapan hakim.

Oleh itu, saya berharap Yang Berhormat boleh membantu kerajaan untuk menjelaskan khususnya kepada pihak pembangkang kerana pilihanraya mungkin dekat yang menggunakan isu ini untuk menyusahkan parti Yang Berhormat untuk memenangi Kerusi pada pilihanraya yang akan datang.

Mengenai hakim-hakim atau mengenai hasil penyelidikan Universiti Malaya yang mengatakan hakim-hakim yang tidak mahir, ini juga dari pandangan kerajaan, kita memang melantik hakim-hakim, majistret-majistret yang mahir, yang patut menyandang jawatan tinggi **itu**, yang faham mengenai undang-undang dan juga bukan hanya dari segi ilmiah tetapi juga dari tingkah-laku, rupa kerana sekarang

rakyat berkehendakkan sistem lebih telus, "lebih" trarisparent dari masa-masa yang dahulu. Maka seorang hakim bukan hanya perlu dilihat bersih tetapi didengar bersih, pun dia memang bersih dan begitu juga mereka setakat yang kerajaan tahu telah menjalankan tugas dengan baik, walaupun dalam beberapa keadaan mereka adalah berbeza, Dengan ini kita ingin menegaskan di sini bahawa pihak kehakiman telah berjaya untuk menegakkan keadilan di negara kita ini.

Dengan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Puan Kian. Perkara-perkara yang saya tidak jawab, akan diambil perhatian oleh kementerian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikenmka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua menpengerusikan Jawatankuasa]

**Fasal 1 hingga 17** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dua hari lepas saya telah mengucapkan bagi pihak Dewan tentang ucapan Selamat Tahun Baru tetapi pada waktu itu saya tersalah sedikit kerana saya sangka selepas Budget, kita sudah habis. Sebenarnya kita ada dua, tiga hari lagi.

Jadi, hari ini ialah hari terakhir. Saya percaya bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang hadir dalam Dewan yang mulia **ini**, kita sama-samalah menghadapi dengan azam dan tekad yang lebih baik, yang betul-betul bernas serta sihat dalam menghadapi tahun baru dan untuk **itu**, kita sama-samalah mengucapkan Selamat Tahun Baru, semoga akan mendapat kejayaan dan kerestuan bukan sahaja bagi pihak kita tetapi juga bagi rakyat Malaysia.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga kepada satu tarikh yang akan ditentukan kemudian.

Dewan ditangguhkan pada pukul 4.37 petang.

